

SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Serta-Merta

Rabu, 17 Ogos 2022

Sime Darby Berhad laporkan untung bersih RM1.1 bilion pada TK2022 dalam suasana pasaran yang mencabar

Sorotan Penting

- Bahagian Perindustrian dan Automotif kekalkan tahap untung walaupun menghadapi kemelesetan di pasaran utama, kekangan inventori yang berterusan dan gangguan berkaitan COVID-19.
- Untung bersih TK2022 merosot terutamanya kerana ketiadaan keuntungan berjumlah RM272 juta daripada jualan Tesco Malaysia pada TK2021
- Untung bersih S4 TK2022 berjumlah RM248 juta hampir 32 peratus lebih tinggi hasil daripada prestasi lebih baik dalam bahagian Perindustrian.
- Bayaran dividen keseluruhan meliputi 71 peratus daripada untung bagi TK2022 (11.5 sen sesaham)

PETALING JAYA, 17 Ogos 2022 – Sime Darby Berhad melaporkan untung bersih RM1.1 bilion bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022 (TK2022) berbanding RM1.4 bilion pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021 (TK2021), yang mengambil kira keuntungan sekali beri RM272 juta daripada penjualan kepentingan Kumpulan dalam Tesco Malaysia.

Tanpa mengambil kira hasil jualan tersebut, untung bersih Kumpulan menyusut sedikit pada kadar 4.3 peratus disebabkan untung yang lebih rendah bagi perniagaan Perindustrian dan Automotif di China, yang terjejas akibat kemerosotan jualan seluruh industri peralatan berat, kekangan inventori dan sekatan COVID-19.

Hasil merosot kepada RM42.5 bilion bagi tahun yang dilaporkan berbanding RM44.3 bilion pada TK2021.

Bagi suku keempat berakhir 30 Jun 2022 (S4 TK2022), untung bersih berjumlah RM278 juta adalah hampir 32 peratus lebih tinggi peningkatan untung daripada bahagian Perindustrian dan perbelanjaan cukai yang lebih rendah. Hasil RM10.9 bilion yang diraih adalah 4 peratus lebih rendah.

“Kami melaporkan keuntungan berjumlah lebih satu bilion ringgit tahun ini walaupun menghadapi pelbagai cabaran disebabkan gangguan rantai bekalan serta kos operasi yang lebih tinggi akibat masalah buruh,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad, Dato’ Jeffri Salim Davidson.

“Bahagian Automotif menghadapi cabaran yang besar pada tahun yang dilaporkan, terutamanya di China. Malaysia mencatatkan prestasi cemerlang walaupun menghadapi sekatan pergerakan dalam tahun kewangan ini, dengan peningkatan sebanyak lebih 50 peratus keuntungan daripada operasinya. Prestasi ini dicapai menerusi pengedaran BMW dan Porsche dan juga operasi pemasangan kami. Kejayaan paling besar bagi TK2022 ialah pembukaan kilang pemasangan untuk Porsche kami di Kulim, yang merupakan kilang pertama di luar Eropah. Kilang tersebut membekalkan Porsche Cayenne yang dipasang di dalam negara mulai bulan Mac tahun ini. Sambutan daripada pelanggan sungguh menggalakkan,” tambahnya.

“Bagi bahagian Perindustrian, harga komoditi yang kukuh memacu permintaan bagi peralatan di pasaran utama kami di Australia. Namun begitu, kos overhead yang tinggi telah menjejaskan margin. Di China, kemelesetan aktiviti pembinaan menyebabkan kemerosotan lanjut dalam pasaran peralatan berat,” kata Dato’ Jeffri.

“Namun begitu, kami tetap fokus kepada pelaksanaan pelan untuk merasionalisasi bahagian bukan teras. Kami telah berjaya memeterai perjanjian untuk melupuskan kepentingan dalam Pelabuhan Weifang pada Julai. Penjualan ini bermakna kami telah keluar sepenuhnya daripada bidang Logistik. Pada masa depan, kami

berhasrat untuk menjadi sebuah entiti yang tertumpu, dengan dua pemacu pertumbuhan mantap, iaitu automotif dan peralatan berat,” tambahnya.

“Kami yakin bahawa tenaga kerja kami yang mahir, jejak operasi yang luas dan sokongan daripada jenama-jenama terbaik di dunia dalam bidang peralatan berat dan automotif akan membantu kami terus berkembang maju. Kedudukan kewangan kukuh Sime Darby juga akan membolehkan kami merebut sebarang peluang yang mungkin timbul untuk mengukuhkan perniagaan teras kami dan membina kapasiti tambahan di sepanjang rantai nilai,” kata Dato’ Jeffri.

Sime Darby telah mengisytiharkan dividen interim kedua sebanyak 7.5 sen sesaham bagi S4 TK2022. Bayaran dividen bagi TK2022 berjumlah 11.5 sen sesaham atau RM783 juta, yang meliputi 71 peratus daripada untung bersih.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Presenna Nambiar

Komunikasi Kumpulan

Sime Darby Berhad

Tel: +60164782554

E-mel: presenna.nambiar@simedarby.com

Mengenai Sime Darby Berhad

Sime Darby Berhad ialah rakan niaga pilihan bagi jenama-jenama terbaik dunia dalam sektor Perindustrian dan Automotif. Kami menjanjikan nilai lestari kepada pihak-pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan operasi, piawaian prestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Sime Darby Berhad yang diasaskan pada 1910, hari ini mempunyai tenaga kerja kira-kira 20,000 kakitangan dan kehadiran di 19 negara dan wilayah di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia dengan modal pasaran berjumlah RM15.66 bilion (USD3.51 bilion) setakat pada 16 Ogos 2022.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.simedarby.com>.